

Penuntut UMP muncul juara 3MT

Harumkan nama Malaysia tewaskan 55 peserta dari Australia, New Zealand dan Asia

ERMA YUSHIDA JUOH

KUANTAN - Penuntut ijazah kedoktoran (PhD) Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Ashwin Charles Benedict, 32, mengharumkan nama Malaysia apabila dinobatkan juara dengan memenangi Pertandingan Asia-Pacific 3 Minute Thesis (3MT) Competition dengan menewaskan menewaskan 55 peserta lain dari seluruh Australia, New Zealand dan Austria.

Lebih menarik Ashwin turut meraih anugerah People's Choice Award apabila meraih undian tertinggi di pentas akhir pertandingan yang berlangsung di University of Queensland.

Ashwin yang berasal dari Petaling Jaya itu berkata, beliau tidak menyangka tajuk tesisnya 'Catalyzing Change: Light at the end of the Tunnel' berjaya menarik perhatian juri sehingga meraih ke-



Ashwin (tengah) dinobatkan sebagai juara pada Pertandingan Asia-Pacific 3 Minute Thesis Competition di Brisbane.

menangan dengan membawa pulang geran bernilai 5000 AUD dan 1000 AUD sebagai geran penyelidikan sebagai hadiah kemenangan berserta sijil.

"Tesis Tiga minit (3MT) adalah satu pertandingan komunikasi penyelidikan yang

dibangunkan oleh University of Queensland.

"Pertandingan ini membangunkan akademik, persembahan dan kemahiran komunikasi penyelidikan dan menyokong pembangunan kapasiti penuntut dengan berkesan untuk menerang-

kan penyelidikan mereka dalam bahasa yang sesuai," katanya.

Ashwin berkata, sokongan daripada Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) iaitu Datuk Dr Hasnah Haron serta sesi latihan bersama jurulatih berpengalaman yang dilantik

iaitu Dr Chiam Kee Swan dan Normala Samsudin, yang merupakan pensyarah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) banyak membantu dalam memastikan hasil penyelidikan dapat dibentangkan dalam tiga minit.

• Turut raih anugerah People's Choice Award

• Pertandingan berlangsung di University of Queensland, Australia

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daling Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan pencapaian ini.

Katanya, kemenangan ini diharap akan menyuntik semangat penuntut lain untuk menyertai program ini serta dapat berkongsi penyelidikan dengan khalayak ramai dan penemuan penyelidikan mereka boleh dibentangkan dengan cara ringkas, padat dan mudah difahami.

Selain Ashwin, Natalie Vanessa Boyou daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut mewakili Malaysia ke peringkat akhir di Brisbane, Australia.